

28/07/2002

Pemimpin komponen BN perlu elak berselisih faham

Jamhariah Jaafar; Teh Kian Keat

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan parti komponen Barisan Nasional supaya jangan sekali-kali berfikir bahawa BN tidak boleh dikalahkan dalam pilihan raya, tetapi sekiranya perkara itu berlaku, ia bukan disebabkan parti lawan kuat tetapi kerana kelemahan BN sendiri.

Sehubungan itu, Perdana Menteri menggesa parti komponen BN tidak terus berselisih faham di antara pemimpin, kerana ia boleh melemahkan kedudukan BN sebagai parti pemerintah.

"Nasib masa depan orang Cina di Malaysia bergantung kepada kekuatan parti yang mewakili orang Cina di dalam BN, demikian juga nasib orang Melayu bergantung kepada kekuatan Umno dalam BN.

"Pertikaian dalam parti komponen BN, perselisihan faham antara pemimpin parti komponen akan memberi peluang kepada puak ekstrimis berpengaruh dan berkembang. Dengan itu, masalah dalam parti komponen dan perpecahan akan menjadi lebih teruk... BN akan menjadi lemah.

"Jangan fikir, BN tidak boleh dikalahkan. Ia boleh dikalahkan bukan kerana parti lawan lebih kuat atau lebih baik, tetapi kerana kelemahan BN, kerana kelemahan parti komponen BN," tegasnya ketika merasmikan Perhimpunan Agung MCA di sini, semalam.

Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Timbalannya, Datuk Lim Ah Lek dan hampir semua kepemimpinan tertinggi BN yang lain.

Ketika ini MCA adalah antara komponen yang mengalami masalah dalaman serius, sehingga ia berpecah. Walaupun ia pada permukaannya kelihatan tenang terutama selepas campur tangan Dr Mahathir, namun riak gelora masih terasa pada perhimpunan ini.

Dr Mahathir yang juga Presiden BN berkata, kejayaan BN sebagai sebuah kerajaan campuran adalah hasil sikap sederhana dan saling hormat semua parti komponen, dan resipi kecemerlangan ini turut dikagumi negara lain dan cuba ditiru oleh parti lawan.

Namun katanya, kejayaan BN tidak mudah ditiru dan ini dibuktikan oleh kerjasama parti lawan sendiri apabila sikap esktrim beberapa puak, menyaksikan kerjasama mereka tidak kekal lama.

"Parti DAP sudah keluar daripada barisan parti lawan, dan Parti Keadilan dan Parti Rakyat, ada sebagai nama saja. Mereka wujud kerana diperalatkan oleh Pas... apabila mereka tidak berguna lagi, mereka akan diketepikan," katanya.

Bagaimana Dr Mahathir menegaskan, kerjasama BN yang menjadi contoh dunia sekarang akan musnah sekiranya parti komponennya sendiri menolak sikap sederhana yang menjadi amalan selama ini, di samping terus bersengketa sesama sendiri.

"Justeru, konsep dan asas BN adalah lebih besar daripada mana-mana daripada kita, tidak kira betapa agungnya kita sebagai pemimpin, betapa popular kita berasa diri kita," katanya.

Menyentuh mengenai keputusannya meletak jawatan sebagai Perdana Menteri dan semua jawatan dalam Umno dan BN, Dr Mahathir menjelaskan ia adalah keputusannya sendiri kerana percaya sudah tiba masanya beliau menyerahkan kepimpinan Umno dan BN kepada orang lain.

"Mengikut tradisi Timbalan Presiden Umno akan mengambil alih jawatan Presiden, jadi saya merestui Datuk Seri Abdullah Badawi sebagai Presiden Umno.

"Juga menjadi tradisi bahawa Presiden Umno, parti terbesar dalam

Perikatan dan BN untuk menjadi Presiden gabungan ini, jadi sebagai ketua BN dan ketua kepada parti terbesar di Parlimen beliau juga akan menjadi Perdana Menteri dan akan berhak untuk melantik ahli kabinetnya sendiri.

"Walaupun ini adalah haknya, beliau juga perlu mengikut tradisi dalam pelantikan ahli kabinet, dengan memastikan semua parti komponen mewakili semua bangsa akan diwakili," katanya.

Perdana Menteri berkata, semua terbabit tidak pernah digariskan dalam Perlembagaan, tetapi ia adalah tradisi yang diikuti selama ini.

"Ini adalah tradisi yang membolehkan kita membuat sebarang peralihan kuasa dalam Kerajaan. Kelancaran perubahan ini adalah amat penting untuk kestabilan dan kemakmuran negara kita," katanya.

Justeru, beliau meminta MCA supaya terus menjunjung tradisi ini dan memberi sokongan sepenuhnya kepada Abdullah, apabila beliau secara rasmi dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia kelima kelak.